



Bersama **FIRKHAN**  
*sembangict@yahoo.com*

## Godam kamera web

**Bagaimana sesebuah kamera web ini boleh digodam?**

**- MIN, Kuching.**

**T**ERIMA kasih. Masalah kamera web digodam ini menjadi satu isu besar dalam dunia siber kerana penggodam akan menggunakannya sebagai mata siber untuk mendapatkan sesuatu maklumat secara tidak bertanggung jawab daripada si mangsa. Seterusnya dibincangkan beberapa cara yang digunakan oleh penggodam untuk mencapai dan menggunakan kamera web mangsa secara tidak sah.

- Penggodam akan mendapatkan maklumat log masuk dan kata laluan kepada kamera web tersebut terutama pengguna yang menggunakan log masuk dan kata laluan lalai yang sudah sedia ada disimpan dalam sistem kamera web. Maklumat log masuk lalai ini boleh diperolehi menerusi internet dengan mudah.
- Serangan secara *Clickjacking* yang menjadi serangan paling kerap digunakan untuk menggodam data peribadi pengguna termasuk mendapatkan maklumat kamera web yang digunakan. Apabila pengguna lebih cenderung untuk mengklik pada butang yang tidak kelihatan pada sesebuah laman web secara tidak sengaja, kamera web pengguna akan diaktifkan dan merakam video aktiviti pengguna tersebut.
- Penggodam akan cuba mendapatkan alamat IP (*Internet Protocol*) bagi sesebuah kamera web dan mencapainya secara langsung tanpa diketahui oleh pengguna yang menjadi mangsa tersebut.
- Pencerobohan ke komputer pengguna menggunakan aplikasi *Malware* untuk mencapai kamera web tersebut. Aplikasi *Malware* ini juga boleh digunakan untuk menjangkiti sistem kamera web seterusnya kamera web tersebut boleh dicapai oleh pengguna.
- Pencerobohan ke komputer pengguna menggunakan aplikasi *Malware* atau virus menerusi sisipan atau lampiran e-mel. Apabila pengguna membuka e-mel dan membuka sisipan fail yang disertakan, kamera web pengguna akan diaktifkan dan dikawal oleh penggodam.